

NO. SOALAN : 018

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

RUJUKAN : DR20

SOALAN :

YB. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan peratusan tanah hutan dalam negara dan langkah untuk memeliharanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2014 kawasan berhutan di Malaysia merangkumi 18.27 juta hektar atau 55.32% daripada jumlah keluasan tanah seluas 33.018 juta hektar. Daripada jumlah ini, seluas 12.9 juta hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal dan 1.45 juta hektar sebagai kawasan perlindungan. Kawasan HSK ini diurus melalui amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Kementerian sentiasa komited dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan selaras dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan. Di antara inisiatif yang dilaksanakan dalam menjayakan komitmen ini adalah seperti berikut:

- (i) mengekalkan pewartaan kawasan Hutan Simpanan Kekal sedia ada untuk diurus melalui amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar untuk kepentingan rakyat dan negara;
- (ii) mewartakan kawasan cadangan Hutan Simpanan Kekal yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebagai hutan simpanan kekal;

- (iii) mewartakan kawasan-kawasan tanah kerajaan berhutan sebagai Hutan Simpanan Kekal;
- (iv) menggantikan mana-mana kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah dikeluarkan/dimansuhkan dengan kawasan hutan lain yang lebih kurang sama luasannya;
- (v) meningkatkan kualiti kawasan Hutan Simpanan Kekal melalui aktiviti restorasi dan pemuliharaan kawasan hutan terosot;
- (vi) melaksanakan aktiviti pemeliharaan in-situ dan ex-situ terutamanya bagi spesies flora yang *Endangered, Rare and Threatened* (ERT);
- (vii) memperkemaskan mekanisma penguatkuasaan hutan melalui program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) seperti *1 Malaysia Biodiversity Enforcement Operation Network* (1MBEON) dan *Centralised Enforcement Team* (CET), penubuhan Pasukan Elit Penguatkuasaan JPSM (*JPSM Elite Team*) dan penggunaan teknologi dan peralatan terkini seperti *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS), *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), *Geographical Information System* (GIS), *Hyperspectral sensors* dan *Global Positioning System* (GPS) semasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan hutan dan pemantauan pencerobohan hutan; dan
- (viii) mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam perhutanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 19

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk mengurangkan harga tiket penerbangan bagi MASwings di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat penerbangan MASwings Sdn. Bhd. (MASwings) telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan tersebut adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Berhubung cadangan untuk mengurangkan harga tiket penerbangan bagi MASwings di Sarawak, buat masa ini, Kerajaan sedang melaksanakan rasionalisasi ke atas RAS secara menyeluruh yang antara lain turut merangkumi penetapan kadar tambang bagi perkhidmatan tersebut. Rasionalisasi tersebut dijangka akan selesai pada tahun 2017.

Dalam pada itu, sepertimana yang telah diumumkan semasa pembentangan bajet 2016 pada 23 Oktober 2015, Kerajaan juga telah bersetuju supaya perkhidmatan pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan RAS di Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada bayaran GST.